



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD  
(Human Resources Development Berhad)  
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA  
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA  
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

26 Mei 2003

---

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 3/2003**

**PENGECUALIAN PEMBAYARAN LEVI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BAGI  
INDUSTRI PERHOTELAN DAN AGEN PENGEMBARA**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai tempoh pengecualian levi pembangunan sumber manusia selama 7 bulan bagi industri perhotelan dan industri agen pengembara mulai 1 Jun 2003 hingga 31 Disember 2003.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pada 7 Mei 2003, Y. B. Menteri Sumber Manusia dengan kuasa di bawah Seksyen 14(2) Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001, telah mengumumkan bahawa majikan daripada industri perhotelan dan industri agen pengembara dikecualikan daripada pembayaran levi pembangunan sumber manusia selama 7 bulan iaitu mulai 1 Jun 2003 hingga 31 Disember 2003. Pengecualian ini bertujuan untuk membantu majikan daripada kedua-dua industri ini daripada masalah kewangan kesan daripada wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan peperangan di Iraq.

**3. MAJIKAN YANG LAYAK**

- 3.1 Majikan yang layak menerima pengecualian ini ialah majikan industri perhotelan dan industri agen pengembara. Kod majikan yang terlibat ialah berikut:**

**632 XXXX - untuk industri perhotelan; dan**

**719 XXXX - untuk industri agen pengembara**

**4. TEMPOH PENGECUALIAN**

- 4.1 Tempoh pengecualian levi ini adalah selama tujuh bulan iaitu mulai 1 Jun 2003 hingga 31 Disember 2003. Antara lain, ini bermakna levi bagi bulan Mei 2003 masih lagi wajib dibayar dan tarikh terakhir bagi pembayaran levi tersebut ialah pada 30 Jun 2003 manakala levi bagi bulan Januari 2004 pula hendaklah dibayar selewatnya-lewatnya pada 28 Februari 2004.

**5. PEMBAYARAN LEVI TERTUNGGAK**

- 5.1 Pengecualian ini tidak termasuk pembayaran levi tertunggak. Majikan yang mempunyai tunggakan dalam pembayaran levi hendaklah terus membayar levi tertunggak tersebut dengan secepat mungkin bagi mengelakkan pengenaan faedah yang lebih tinggi.

**6. PERMOHONAN GERAN LATIHAN**

- 6.1 Walaupun majikan dalam industri perhotelan dan agen pengembara dikecualikan daripada membayar levi selama 7 bulan, namun majikan dalam industri berkenaan adalah digalakkan untuk memohon geran latihan dan terus menghantar pekerja mereka mengikuti latihan dengan menggunakan baki levi yang masih ada dalam akaun masing-masing.

**7. PENUTUP**

7.1 Sekiranya majikan mempunyai sebarang pertanyaan, pegawai PSMB yang boleh dihubungi untuk mendapatkan keterangan lanjut ialah:

(i) Syed Shahrul Hafeez bin Syed Halim  
(nombor telefon:030-20984835);

(ii) Fauziah binti Masrom  
(nombor telefon:03-20984838);

(iii) Jasiah binti shariff  
(nombor telefon:03-20984862); dan

(iv) Yasmin Ashikin binti Yahya  
(nombor telefon:03-20984862)

Sekian, terima kasih

**"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"**

**"BERSAMAMU MEMBINA DAYA SAING NEGARA"**

Yang ikhlas,

**(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)**

Pengurus Besar Kewangan  
b.p Ketua Eksekutif  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

